



Dr. Norintan
Zainal Shah

Pakar O&G, Hospital Columbia Asia

Risiko Eklampsia

Usah
Gadaikan
Nyawa Ibu & Bayi

Foto: 123rf.com

Kehamilan adalah satu pengalaman dan tempoh yang indah lagi menggembirakan bagi semua wanita. Sebaik hamil, bakal ibu tidak dapat lari daripada topik perbuahan yang popular di antara mereka termasuklah tarikh lahir, cara kelahiran, di mana tempat untuk melahirkan dan di mana tempat untuk berpantang.

Susunan: Siti Ramiah Mahmud

Dan apabila menyebut mengenai proses kelahiran, ramai wanita mula risau mengenai cara hendak bersalin, tip untuk memudahkan proses bersalin dan cara untuk menahan sakit ketika bersalin. Semua ini sentiasa berlegar di dalam kepala mereka sepanjang tempoh kehamilan.

Namun tidak ramai wanita hamil yang terfikir untuk berbincang mengenai masalah darah tinggi ketika mereka hamil sedangkan hakikatnya mereka sangat cenderung untuk mengalami masalah ini. Dan lebih buruk lagi masalah yang dianggap biasa bagi kebanyakan wanita hamil ini mampu mengundang risiko yang lebih berbahaya.

Menurut Doktor Norintan Zainal Shah daripada Hospital Colombia Asia, adalah dianggarkan lebih 8 peratus wanita hamil mengalami masalah penyakit darah tinggi ketika bersalin. Dan lebih buruk lagi, jika tekanan darah tidak dikawal ia boleh menyebabkan masalah sawan. Sawan inilah yang dinamakan sebagai eklampsia.

Koma Dan Kelahiran Pra Matang

Yang perlu anda ketahui, *Eklampsia* merupakan masalah yang sangat serius. Ia berlaku selepas usia kehamilan mencecah 20 minggu. Sawan yang dinamakan sebagai eklampsia ini merupakan kekejangan otot diluar kawalan tanpa disedari oleh pesakit. Masalah ini juga dikenali sebagai 'kejang tonik-klonik' dan jika eklampsia tidak dikawal dengan segera, pesakit berisiko untuk mengalami koma.

Sebelum berlakunya eklampsia, pesakit selalunya mengalami pre eklampsia iaitu keadaan di mana tekanan darah seseorang wanita hamil didapati meningkat dengan tinggi dan air kencingnya juga mengandungi protein. Menurut Doktor Norintan lagi, kedua-dua masalah ini tidak harus dipandang ringan kerana wanita hamil yang mengalami masalah ini perlu dirujuk sesegera mungkin ke hospital, bagi menstabilkan tekanan darahnya. Apabila pesakit menjadi stabil, doktor kemudiannya akan berincang untuk melakukan proses melahirkan bayi pesakit pre-eklampsia ini walaupun bayi belum mencapai tempoh matang.

"Wanita yang menghidap penyakit darah tinggi sebelum hamil dinasihatkan untuk menstabilkan tekanan darah mereka terlebih dahulu dengan kawalan ubat dan pemakanan yang tepat sebelum mengambil keputusan untuk hamil. Mereka yang mempunyai masalah tekanan darah tinggi sebelum hamil lebih berisiko untuk mengalami pre eklampsia dan eklampsia," nasihat Dr.Norintan.

Faktor-Faktor Eklampsia

Bagi wanita yang mengalami tekanan darah tinggi sewaktu hamil (usia kehamilan 20 minggu ke atas) tetapi ujian air kencing adalah normal (tanpa kehadiran protein), golongan ini lebih dikenali sebagai 'pregnancy induced hypertension' atau ringkasnya PIH. Pesakit PIH selalunya boleh mengawal tekanan darah tinggi dengan memakan ubat dan boleh mengunggu hingga bayi matang sebelum bayi tersebut dilahirkan.

Faktor-faktor terjadinya PIH, *pre-eklampsia* dan juga eklampsia dilihat masih samar dan masih belum diketahui punca sepenuhnya terjadi masalah ini. Setelah bayi dilahirkan dan uri dikeluarkan, tekanan darah akan mula menurun dan kembali ke tahap normal. Daripada sinilah timbulnya teori bahawa bayi dan uri di dalam pesakit PIH dan pre eklampsia menghasilkan bahan toksin yang mencetus kenaikan tekanan darah tinggi. Setelah kelahiran bayi dan uri, serta keluarnya bahan toksin, tekanan darah secara automatik akan kembali stabil.

Terdapat tanda-tanda para ibu hamil yang mengalami *pre-eklampsia* ini di antaranya adalah kenaikan tekanan darah ketika diperiksa di klinik antenatal, kenaikan berat badan secara mendadak, pengeluaran protein dalam air kencing, pembengkakan di kaki dan wajah, gangguan atau penglihatan sedikit kabur, pandangan silau dan juga masalah sakit kepala seperti pening, mual, muntah dan juga sakit ulu hati. Kebiasaannya gejala dan tanda ini muncul pada

kehamilan trimester kedua. Jika mengalami masalah ini, wanita hamil dinasihatkan untuk segera ke klinik dan mendapatkan bacaan tekanan darah atau terus merujuk masalah ini kepada hospital.

Jenis-Jenis Eklampsia

Yang perlu wanita hamil ketahui, Eklampsia boleh berlaku sebelum bersalin, sewaktu bersalin dan selepas bersalin.

- ♥ 60 % kes eklampsia adalah eklampsia *gravidarum* yang mana ia berlaku ketika hamil (sebelum bersalin)
- ♥ 30 % kes eklampsia *parturientum* yang mana ia berlaku ketika sedang bersalin.
- ♥ 10 % kes eklampsia *puerperium* yang mana ia berlaku selepas bersalin.

Kesan Eklampsia

Kes eklampsia adalah penyebab utama kematian ibu-ibu di negara-negara maju seperti Britain. Mengapa eklampsia amat sukar ditangani walaupun pesakit berada di negara yang jauh lebih maju dari negara kita? Hal ini disebabkan penyakit PIH, *pre eklampsia* dan eklampsia adalah penyakit yang belum diketahui puncanya. Dek kerana itulah sebarang gejala atau tanda harus dirujuk kepada hospital dengan kadar segera.

Persoalan mengenai mengapa tiba-tiba 'darah menjadi tinggi', Hal ini disebabkan sifat PIH dan *pre-eklampsia* itu sendiri yang menyerang secara tiba-tiba. Ia mungkin berlaku dalam masa yang terlalu singkat dan oleh sebab itulah setiap wanita hamil mesti merujuk sebarang masalah ke hospital segera jika terdapat gejala yang disebutkan sebelum ini.

Keengganan wanita hamil merujuk masalah ini kepada hospital dengan alasan tidak mahu melahirkan anak secara paksu akan hanya membahayakan nyawa kedua-duanya. Tekanan darah yang semakin naik akan menyebabkan sawan eklampsia dan akhirnya nyawa kedua-dua ibu dan anak dalam kandungan melayang.

Kesan dan komplikasi yang dapat dilihat daripada permasalahan ini adalah:

- ♥ Menjadi koma atau maut akibat pendarahan dalam otak.
- ♥ Eklampsia sedar dari koma, berkemungkinan buta atau lemah anggota seperti pesakit angin ahmar.
- ♥ Bayi dalam kandungan menjadi kecil dari segi perkembangannya.
- ♥ Beraku pendarahan dalam uri (*Abruptio placentae*)
- ♥ Bayi terpaksa dilahirkan pra-matang bagi menyelamatkan nyawa ibu.

Ibu hamil dinasihatkan sentiasa mengambil ubat-ubatan pada kadar yang disyorkan dan teratur seperti yang disyorkan oleh doktor untuk mengawal tekanan darah ini. Yang perlu anda ketahui, walaupun setelah melahirkan anak, bacaan tekanan darah juga hendaklah sentiasa dipantau kerana eklampsia masih boleh berlaku di dalam tempoh berpantang.

Adalah diharapkan para ibu yang sedang hamil serta ahli keluarga sedar betapa pentingnya pemeriksaan darah tinggi dan air kencing dalam setiap lawatan ke klinik antenatal.